

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (E) 1-2010

FAKTA KES

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang menjalankan perniagaan pengilangan rokok yang dilesenkan di bawah Akta Eksais 1976.
2. Pada 2 Julai 2007 Perayu telah mengemukakan 38 set borang Eksais No.7 kepada Cawangan Penguatkuasaan Pelesenan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Borang tersebut adalah permohonan untuk memindahkan rokok daripada premis berlesen. Berserta dengan borang tersebut Perayu telah mengepilkan enam keping cek sebagai bayaran terhadap duti eksais yang perlu dibayar atas rokok tersebut. Duti eksais telah ditaksir pada 2 Julai 2007 atas kadar RM0.12 sebatang dan 20%. Resit bagi bayaran duti bertarikh 3 Julai 2007. Pada jam 4.00 petang 2 Julai 2007, kadar duti eksais atas rokok telah dinaikkan kepada RM0.15 sebatang dan 20%. Atas alasan bahawa kadar duti eksais yang dinaikkan telah berkuatkuasa semasa duti eksais dibayar, satu Bil Tuntutan dikeluarkan kepada Perayu untuk menuntut duti eksais sebanyak RM1,292,592.00. Perayu tidak berpuas hati dengan keputusan ini dan telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 24 September 2010.

ISU

Alasan rayuan adalah bahawa:

1. Cek untuk pembayaran duti eksais telah diserahkan pada 2 Julai 2007 dan dengan itu bermakna duti eksais telah dibayar pada tarikh tersebut.
2. Berdasarkan pembayaran cek, kadar duti eksais yang sepatutnya berkuatkuasa pada hari rokok dipindah dari premis berlesen adalah RM0.12 sebatang dan 20%.
3. Bil Tuntutan yang dikeluarkan adalah tidak sah.

KEPUTUSAN

1. Setelah menimbang fakta kes, Tribunal memutuskan bahawa mengikut seksyen 16 Akta Eksais 1976*the day on which such goods are removed....* patut ditafsirkan sebagai hari di mana Borang Eksais No. 7 dan cek pembayaran telah dikemukakan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Penyerahan Borang Eksais No. 7 dan pembayaran cek tersebut diterima sebagai keperluan melengkapkan tindakan memindahkan barang dari premis berlesen.
2. Rayuan dibenarkan dan duti eksais sebanyak RM1,292,592.00 yang telah dibayar dipulang balik kepada Perayu.

31 Januari 2011